SOALAN 1 HINGGA SOALAN 5

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sejak akhir-akhir ini, permainan tradisional kurang mendapat sambutan dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada hari ini lebih terdedah dengan pelbagai permainan yang lebih moden serta tidak mengetahui tentang faedah-faedah bermain permainan tradisional.

Antara faedah bermain permainan tradisional termasuklah dapat mengisi masa lapang. Remaja pada masa ini lebih gemar menghabiskan masa mereka dengan bermain permainan video dan melepak di pusat beli-belah. Namun begitu, permainan tradisional dapat mengelakkan situasi tersebut berlaku. Sebagai contohnya, remaja boleh bermain dam haji atau congkak untuk memanfaatkan masa lapang. Dengan cara tersebut, remaja dapat mempelajari ilmu permainan tradisional dan mengetahui kepentingan nilai kesabaran dalam diri ketika bermain permainan tradisional.

Selain itu, permainan tradisional merupakan satu daripada platform penting untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan remaja. Hubungan kekeluargaan dan persahabatan dapat dieratkan sewaktu bermain permainan tradisional. Sebagai contoh, semasa para remaja bermain sepak takraw bersama-sama dengan rakan, mereka berpeluang untuk berkenalan dengan orang lain dengan lebih rapat lagi. Dengan cara ini, mereka dapat meluaskan lingkungan sosial mereka juga.

Tuntasnya, terdapat pelbagai faedah yang dapat diperoleh jika para remaja bermain permainan tradisional. Semua pihak perlu berpadu tenaga untuk mempopularkan permainan tradisional semula supaya tidak tenggelam oleh arus pemodenan.

(dipetik dan disesuaikan daripada "Faedah Permainan Tradisional kepada Remaja", Dewan Siswa, Bil. 9, Dewan Bahasa dan Pustaka)

1. Apakah maksud 'mengisi' (baris 5) berdasarkan petikan di atas?

A. memenuhi

B. menambah

C. menolak

D. membuang

2. Apakah punca permainan tradisional kurang mendapat sambutan pada masa ini?

A. Masyarakat tidak mempunyai masa untuk bermain.

B. Masyarakat lebih terdedah kepada permainan moden.

C. Permainan tradisional sukar dimainkan oleh remaja.

D. Permainan tradisional tidak mempunyai peraturan.

3. Pilih aktiviti yang sering dilakukan oleh remaja pada masa ini.

A. Bermain congkak dan dam haji.

B. Bermain sepak takraw dan congkak.

C. Bermain permainan video dan melepak.

D. Bermain gasing dan sepak raga.

4. Faedah bermain permainan tradisional yang dinyatakan dalam petikan termasuklah ...

A. Meningkatkan kecergasan fizikal semata-mata.

LIVEWORKSHEETS

B. Mengisi masa lapang dan mengeratkan hubungan silaturahim.

C. Mendapat hadiah dan meningkatkan populariti.

D. Menambahkan pendapatan keluarga.

5. Pilih pernyataan yang benar tentang petikan di atas.

A. Permainan tradisional semakin mendapat sambutan dalam kalangan remaja pada masa ini.

B. Permainan tradisional hanya dapat dimainkan oleh golongan dewasa.

C. Permainan tradisional dapat mengisi masa lapang dan mengeratkan hubungan silaturahim.

D. Remaja pada masa ini lebih gemar bermain permainan tradisional berbanding permainan video.

SOALAN 6 HINGGA SOALAN 10

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lenyapnya Adab Berbudi Bahasa

Wahai anak muda rajinkan diri layari bahtera ilmu jangan sesekali abaikan kerja sekolah karang leteran ibu berjela-jela saban hari demi kebaikan nusa dan bangsa.

Asuh didik ibu bapa jangan dilupakan tersemat citra murni dalam sanubari amalkannya dalam kehidupan harian.

Jangan terikut-ikut anasir keji sehingga bibir berlumut kasar bukan main kepalang berbicaranya orang tua tiada kepandangan pilu dan sayu hati mereka.

(Tina Tin)

SOALAN 6 HINGGA SOALAN 12

6. Apakah maksud perkataan 'pilu' (baris 13) dalam rangkap pertama?

A. girang

B. ceria

C. gementar

D. sedih

7. Apakah nasihat penyajak kepada anak muda dalam rangkap pertama?

A. Kita hendaklah rajin membantu ibu bapa.

B. Kita haruslah rajin menuntut ilmu dan menyiapkan kerja sekolah.

C. Kita perlulah rajin menyertai aktiviti kemasyarakatan.

D. Kita mestilah rajin bermain bersama-sama rakan.

8. Apakah maksud rangkai kata "layari bahtera ilmu"?

A. Melancong ke tempat yang jauh

B. Mencari pengalaman di laut

C. Menuntut ilmu dengan bersungguh-sungguh

D. Membaca buku ketika waktu lapang

9. Apakah mesej yang ingin disampaikan dalam puisi ini?

A. Golongan muda perlu mengejar kejayaan tanpa mempedulikan nasihat orang tua.

LIVEWORKSHEETS

B. Golongan muda hendaklah rajin menuntut ilmu dan menghormati ibu bapa.

C. Golongan muda perlu mengutamakan hiburan supaya kehidupan lebih menyeronokkan.

D. Golongan muda hendaklah menghabiskan masa bersama rakan berbanding belajar.

10. Antara pernyataan berikut, yang manakah satu bukan unsur pengajaran puisi tersebut?

A. Kita hendaklah rajin menuntut ilmu dan tidak mengabaikan nasihat ibu bapa.

B. Kita mestilah menghargai dan mengamalkan nasihat ibu bapa.

C. Kita perlulah menjaga tutur kata ketika berbicara dengan orang tua.

D. Kita hendaklah mengutamakan hiburan daripada pelajaran dan nasihat ibu bapa.

SOALAN 11 HINGGA SOALAN 18

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling tepat.

11. Penduduk-penduduk Taman Aman sedang membersihkan longkang-longkang yang tersumbat. _____ bergotong-royong melakukan kerja-kerja tersebut.

A. Beliau

B. Kami

C. Mereka

D. Dia

12. Datuk dan nenek _____ tinggal di Pulau Besar, kata Brandon kepada Vijay.

A. mereka

B. saya

C. kita

D. patik

LIVEWORKSHEETS